

11/01/2004

Hubungan KL-Jakarta sehati

Mior Kamarul Shahid

PERTEMUAN Datuk Seri Abdullah Badawi dan Megawati Sukarnoputri di Istana Merdeka, Jakarta, Khamis lalu berlalu dalam keadaan tenang, setenang perhubungan antara Malaysia dan Indonesia. Sebagai dua negara serumpun, hubungan Kuala Lumpur-Jakarta dan rakyatnya, sudah sehati.

Sebaik mendapat isyarat kenderaan khas yang membawa Abdullah akan tiba di pekarangan istana, Megawati sudah sedia menunggu dengan senyumannya. Setelah mengucapkan selamat datang dan bertanya khabar, mereka terus masuk ke bilik khas untuk memulakan pertemuan `empat mata', seterusnya disertai perwakilan kedua-dua negara termasuk Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar. Sebagaimana dijelaskan oleh Megawati, kehadiran Abdullah adalah sebagai `lawatan perkenalan', walau pun pada hakikatnya Perdana Menteri Malaysia itu tidak perlu lagi diperkenalkan kepada rakyat Indonesia, apatah kepada Megawati sendiri. Sebagaimana rakyat Malaysia mengikuti perkembangan di Indonesia, begitulah rakyat Indonesia mengambil berat soal Malaysia. Mereka tahu bahawa Malaysia hari ini dipimpin oleh Pak Lah yang menggantikan Pak Mahathir (Tun Dr Mahathir Mohamad).

Ini adalah lawatan tradisi yang diamalkan di kalangan pemimpin negara Asean. Bagi sudut yang lebih luas, lawatan ini amat penting untuk menunjukkan kejituan perpaduan negara dalam Asean. Selain Asean sendiri, dunia juga mahu melihat isu-isu yang dibangkitkan dengan negara-negara yang dilawati. Sebagai Perdana Menteri `bongsu' dalam Asean, sudah tentulah mereka mahu mendengar wawasan Abdullah berhubung isu-isu dunia dan kerjasama sesama Asean.

Indonesia adalah negara pertama dalam siri lawatan Abdullah yang akan diikuti Singapura Isnin ini, diikuti Thailand pada (16 Januari), Laos (19 Januari) dan Filipina (20 Januari).

Walaupun tempoh perbincangan pemimpin kedua-dua negara itu sepatutnya berakhir pada waktu ditetapkan, namun tidak ada tanda-tanda pintu bilik akan dibuka. Meskipun ramai meramalkan perbincangan akan berakhir bila-bila masa. Ini adalah perkara biasa kerana selagi kata persetujuan mengenai sesuatu perkara belum dicapai, perbincangan terpaksa dilanjutkan.

Setelah mendapat isyarat, barulah kedua-dua pemimpin keluar bilik mesyuarat disambut dengan lampu kamera yang bertalu-talu. Walaupun waktu berunding agak singkat, banyak perkara yang sempat disentuh - isu keutamaan antara kedua-dua negara. Isu-isu yang dibangkitkan selain hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa ialah:

- * Isu peraturan perdagangan dan pembayaran dua hala,
- * Penyertaan pelaburan kedua-dua negara,
- * Perbatasan laut menerusi prinsip Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE),
- * Perbatasan darat di wilayah Sarawak dan Indonesia,
- * Isu rompak (lanun) di perairan kedua-dua negara termasuk di Selat Melaka,
- * Penyeludupan kayu, manusia dan senjata,
- * Kerjasama Petronas (Malaysia) dan Pertamina (Indonesia), dua perbadanan petroleum terbesar di rantau ini, malah di dunia.
- * Penganasan antarabangsa, dan
- * Tenaga kerja rakyat Indonesia (TKI) di Malaysia.

Perkara-perkara ini dibincangkan kerana setiap isu mempunyai masalah dan kepentingannya tersendiri. Tentunya ia tidak boleh diselesaikan dalam satu rundingan yang singkat, apatah lagi isu-isu yang mempunyai implikasi dan memerlukan maklumat teknikal. Apa yang penting, pertemuan itu menghasilkan

satu iltizam yang tinggi di antara Abdullah dan Megawati yang mana pada masa akan datang, apa juga masalah berbangkit akan diselesaikan dengan segera, sebelum ia menjadi rumit. Sebagaimana dijelaskan oleh Abdullah, apa juga masalah membabitkan kedua-dua negara akan diselesaikan menerusi 'tindakan cepat', malah kedua-dua pemimpin akan berhubung sesama sendiri melalui telefon. Begitulah akrabnya hubungan pemimpin kedua-dua negara. Kedua-dua mereka tidak mahu apa juga masalah yang timbul gagal diurus dengan baik akibat halangan yang tidak sepatutnya berlaku. Dalam isu kemasukan pekerja Indonesia ke Malaysia umpamanya, perjanjian persefahaman (MoU) yang sepatutnya ditandatangani di Bali lebih setahun lalu masih belum dapat dilakukan hingga ke hari ini. Menerusi perjanjian itu, MoU berkenaan yang kini dalam peringkat akhir, mungkin dapat ditandatangani dalam tempoh dua atau tiga bulan lagi. Ini tidak bermakna dokumen perjanjian itu diluluskan tanpa kajian teliti. Abdullah menegaskan walaupun 'dipercepatkan tetapi mestilah tepat dan lengkap'. Hakikatnya, Malaysia memerlukan tenaga kerja rakyat Indonesia manakala ramai rakyat republik itu mengharapkan layanan sewajarnya. Dokumen perjanjian itu nanti akan menentukan garis panduan meliputi pelbagai aspek yang memberi faedah kepada kedua-dua negara, terutamanya kepada pekerja itu sendiri termasuk soal gaji dan perlindungan, tanggungjawab majikan dan sebagainya, akan dapat dipersetujui bersama. Malaysia tidak boleh merumus dokumen berkenaan tanpa persetujuan Indonesia manakala Indonesia pula tidak boleh menuntut perkara yang tidak dipersetujui Malaysia. Kedua-dua negara mahu memastikan kemasukan pekerja Indonesia ke Malaysia mengikut syarat yang dipersetujui.

Rundingan antara pemimpin Malaysia-Indonesia tidak mempunyai batasannya. Selain rundingan tidak rasmi, mereka akan bertemu setahun sekali dalam perundingan tahunan yang dilakukan secara silih berganti sama ada di negara ini atau Indonesia. Tahun ini, Indonesia akan menjadi tuan rumah setelah rundingan tahun lalu diadakan di Kuching, Sarawak sewaktu Dr Mahathir masih menjadi Perdana Menteri. Jika menjelang perundingan itu masih ada isu yang belum berganjak, kedua-dua pemimpin itu akan menggerakkannya.